

**Najib, Rosmah Hadiri Resepsi Perkahwinan Puteri Jusuf Kalla
Bernama
25 Aug, 2013
Oleh Ahmad Fuad Yahya**

JAKARTA, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor menghadiri resepsi perkahwinan anak perempuan bekas naib Presiden Indonesia Jusuf Kalla, yang diadakan secara gilang-gemilang di Ballroom, Hotel Ritz Carlton, Pacific Place, Jakarta, Ahad malam.

Acara itu diwarnai kebudayaan dan adat istiadat Bugis kerana Jusuf berasal dari Makassar, Sulawesi Selatan.

Najib dan Rosmah, yang tiba di sini petang ini, mengucapkan tahniah kepada Jusuf dan isterinya, Mufidah Kalla serta pasangan pengantin baharu iaitu Chairani Jusuff Kalla dan suaminya, Marah Laut C. Neor.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut bertemu Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhoyono.

Yudhoyono tiba di majlis itu tidak lama selepas Najib.

Kedua-dua pemimpin itu kelihatan berbual mesra pada pertemuan itu, begitu juga dengan Rosmah dan Ibu Negara Ibu Ani Yudhoyono.

Najib dan Yudhoyono berserta Rosmah dan Ibu Ani kemudian beredar meninggalkan majlis itu bersama-sama.

Perdana Menteri dan isteri berlepas pulang ke tanah air malam ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972559>